

04/12/1997

POEM keluar kereta secara komersil tahun depan

KUALA LIPIS, Rabu - Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM) akan memulakan pengeluaran kereta elektrik yang boleh digunakan di jalan raya secara komersil, mulai pertengahan tahun depan.

Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata pembinaan kereta itu kini masih pada peringkat pembangunan.

"Pada masa ini, kereta jenis `buggy' dikeluarkan untuk kegunaan dalaman dan bukan di jalan raya.

"Ia boleh dijual kepada kelab golf, pusat peranginan, Sukom, Malaysia Airport Berhad.

"Kita belum membuat permohonan untuk mendapatkan lesen kerana ciri-ciri tertentu yang perlu dipertingkatkan supaya mendapat kelulusan," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian pejabat baru TNB Kuala Lipis, oleh Sultan Pahang, di sini, hari ini.

Menurut Ahmad Tajuddin, kereta elektrik komersil yang dipasarkan mempunyai saiz seperti kereta perodua kancil dengan empat tempat duduk.

Kereta itu mempunyai kemampuan bergerak sehingga 80 kilometer sejam dan sejauh 180 kilometer.

"Ia sesuai bagi kegunaan dalam bandar dan bukan untuk perjalanan jauh," katanya.

Beliau berkata, POEM juga menerima tempahan 500 unit bagi model `antik' daripada sebuah syarikat perdagangan terbesar di United Kingdom iaitu Harrods.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kenderaan jenis `buggy' itu yang dihasilkan oleh POEM, sebuah anak syarikat TNB dengan usahasama Frazee-Nash Research Ltd (FN) dari United Kingdom.

(END)